

Kempen “Big Wins at Malaysia’s Biggest Online Sale” 2017

Tempoh Kempen

Kempen Hong Leong Connect “Big Wins at Malaysia’s Biggest Online Sale” kempen (“**Kempen**”) berlangsung dari 09 Oktober 2017 (00:00 Waktu Malaysia) hingga 13 Oktober 2017 (23:59 Waktu Malaysia) (“**Tempoh Kempen**”).

Terma dan Syarat (“T&C”)

Definisi dan Interpretasi

Terma berikut hendaklah mempunyai erti yang telah diperuntukan, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain:-

- “**Bank**” merujuk kepada Hong Leong Bank Berhad dan Hong Leong Islamic Bank Berhad.
- “**Connect**” merujuk kepada Hong Leong Connect Digital Banking Services.
- “**Scan & Pay**” merujuk kepada perkhidmatan tempat jualan yang membolehkan Pengguna Connect (sebagaimana ditakrifkan dalam Klausula 1 di bawah) untuk membuat pembayaran di laman web e-dagang melalui Connect App, menggunakan kod QR peniaga.

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Bank individu sedia ada dan baru, termasuk kakitangan Bank, sama ada tetap atau kontrak, yang merupakan pengguna berdaftar Perbankan Internet Hong Leong Connect dan/atau Connect App (“**Pengguna Connect**”).

Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pelanggan individu baru merujuk kepada individu yang bukan pengguna berdaftar Perbankan Internet Connect dan/atau Connect App sebelum Tempoh Kempen, dan mendaftarkan sebagai Pengguna Connect sepanjang Tempoh Kempen.

Kaedah Kempen

2. Melainkan dan kecuali bagi pendaftaran Connect seperti yang dinyatakan dalam Klausula 1 di atas, tiada pendaftaran diperlukan untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini
3. Pengguna Connect berpeluang untuk menerima Cash Back atau memenangi Big Prize (kedua-duanya seperti yang dinyatakan dalam Klausula 5 di bawah) dengan syarat berikut dipenuhi:-
 - a. Pembelian dalam talian dengan jumlah nilai minimum sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30.00) termasuk GST, dalam satu transaksi di mana-mana laman e-dagang dalam Tempoh Kempen; dan
 - b. Bayaran berjaya dibuat untuk pembelian dalam talian melalui Perbankan Internet Hong Leong Connect atau Connect Scan & Pay,

(selepas ini dirujuk sebagai “**Pengguna Connect Layak**” dan item 3(a) dan (b) secara kolektif dikenali sebagai “**Transaksi Layak**”).

4. Pengguna Connect Layak boleh melakukan lebih daripada satu transaksi sepanjang Tempoh Kempen untuk memperolehi penyertaan:

Kaedah Bayaran	Penyertaan Diperolehi
Perbankan Internet Connect	1 Penyertaan
Connect Scan & Pay (di Connect App)	2 Penyertaan

5. Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) dalam bentuk Cash Back dan Big Prize untuk dimenangi sepanjang Tempoh Kempen.

Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Bank akan memperuntukkan maksimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) bagi memenuhi semua bayaran Cash Back dan Big Prizesepanjang Tempoh Kempen ("**Had Cash Back**"). Walau apa pun yang dinyatakan di sini, tiada Cash Back dan Big Prize seterusnya akan diberikan apabila Had Cash Back telah dicapai.

Cash Back

Jumlah Transaksi Layak	Cash Back	Bilangan Pemenang Harian
RM30.00 – RM59.99	RM30	10
RM60.00 – RM159.99	RM60	10
RM160 dan ke atas	RM100	6

Big Prize

Jumlah Transaksi Layak	Hadiah Tunai	Bilangan Pemenang Harian
RM30.00 dan ke atas	RM500	1

6. Setiap Pengguna Connect Layak hanya boleh menerima satu (1) Cash Back sehingga Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) atau satu (1) Big Prize hanya untuk Kempen ini.
7. Transaksi Layak berikut TIDAK layak untuk tujuan Kempen ini:-
- Pembelian yang kemudiannya dibatalkan atau dibayar balik; dan
 - Pembelian yang dipertikaikan atau dianggap sebagai tidak sah atau palsu oleh Bank, dan Bank berhak untuk menentukan jika pembelian tanpa kebenaran atau palsu.

Pemilihan dan Penentuan Pemenang

8. Setiap hari dalam Tempoh Kempen, Pengguna Connect Layak akan disenarai pendek secara pilihan rawak ("**Pelanggan Disenarai Pendek**") dan dihubungi berdasarkan usaha terbaik melalui nombor telefon mudah alih terkini yang disimpan dan dicatatkan dalam rekod Bank oleh agen sah Bank, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574-V) ("**Dynamic Search**") untuk sesi soal dan jawab ("**S&J**"). Pengguna Layak Connect bertanggungjawab untuk memberi nombor telefon mudah alih terkini dan sah kepada Bank dan Bank atau Dynamic Search tidak boleh dianggap bertanggungjawab sekiranya Bank atau Dynamic Search tidak dapat menghubungi Pelanggan Disenarai Pendek untuk S&J, bagi apa-apa alasan sekalipun.
9. Maksimum tiga (3) percubaan akan dibuat oleh Dynamic Search untuk menghubungi Pelanggan Disenarai Pendek dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) antara 10:00 pagi hingga 6:00 petang. Rekod cubaan panggilan Dynamic Search kepada Pelanggan Disenarai Pendek adalah muktamad. Sekiranya Dynamic Search tidak dapat menghubungi Pelanggan Disenarai Pendek selepas tiga (3) percubaan, keputusan beliau akan dibatalkan dan tidak berpeluang untuk memenangi Cash Back atau Big Prize.

10. Pelanggan Disenarai Pendek yang menjawab dua (2) soalan yang telah ditentukan dengan jawapan yang betul akan diumumkan sebagai pemenang Cash Back atau Big Prize ("**Pemenang**"). Bagi mengelakkan keraguan, ia adalah atas budi bicara Bank untuk menentukan sama ada Pemenang layak mendapat Cash Back atau Big Prize dan sebarang pertikaian berkaitan dengan keputusan Bank tidak akan dilayani.
11. Pemenang akan dihubungi oleh Bank melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**"). Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya SMS tidak dapat dikirim / dihantar disebabkan oleh gangguan pembekal khidmat mudah alih. Perkhidmatan SMS untuk Kempen ini adalah disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("**M3 Tech**"), vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank.
12. Cash Back dan Big Prizes akan dikreditkan ke dalam akaun Semasa atau Simpanan/akaun Semasa-i atau akaun Simpanan-i ("CASA/CASA-i") yang dikekalkan oleh Pemenang dengan Bank seperti yang ditentukan oleh Bank sebelum 31 Disember 2017.
13. CASA/CASA-i Pemenang mestilah kekal aktif dan sah sepanjang Tempoh Kempen dan sehingga 31 Disember 2017, sekiranya gagal berbuat demikian, Cash Back atau Big Prize akan dibatalkan mengikut budi bicara mutlak Bank.
14. Sekiranya Pemenang tidak menerima Cash Back atau Big Prize sebelum 31 Disember 2017, memang pada dasarnya kewajipan Pemenang untuk menghubungi Bank berkenaan ketidakterimaan Cash Back atau Big Prize sebelum 31 Januari 2018, sekiranya gagal berbuat demikian Pemenang akan dianggap telah menerima Cash Back atau Big Prize dan sebarang tuntutan untuk pembayaran Cash Back dan / atau Big Prize tidak akan dilayan oleh Bank.

Syarat-Syarat Am

15. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kehilangan, kerosakan atau kecacatan terhadap barang-barang yang dibeli. Sebarang isu yang berkaitan dengan kualiti barangan yang dibeli hendaklah diselesaikan di antara Pengguna Connect dan peruncit item yang dibeli tanpa sebarang rekursa terhadap Bank.
16. Dengan menyertai Kempen ini, Pengguna Connect berjanji dan bersetuju:
 - a. Bahawa mereka telah membaca dan memahami T&C yang terkandung di sini dan bersetuju untuk terikat dengan T&C Kempen ini, terma dan syarat Connect dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa;
 - b. Bahawa keputusan Bank atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini termasuk kelayakan Cash Back atau Big Prize adalah muktamad dan terikat dan tiada sebarang surat-menyurat dan/ atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut akan dilayan;
 - c. Bahawa Cash Back dan Big Prize tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga, tidak boleh ditukar ke dalam bentuk kredit, cek atau seumpamanya;
 - d. Untuk memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada pembekal perkhidmatan (iaitu Dynamic Search dan M3 Tech) sebagaimana Bank anggap wajar bagi maksud Kempen ini;
 - e. Untuk membenarkan Bank untuk menerbitkan atau memaparkan nama dan nombor KP (dalam bentuk terlindung) dalam media, bahan pemasaran atau pengiklanan untuk tujuan Kempen ini; dan
 - f. Untuk mengakses www.hlb.com.my ("Laman Web HLB") dan/ atau www.hlisb.com.my ("Laman Web HLISB") dari semasa ke semasa untuk mendapat maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi kepada T&C Kempen ini.

17. Bank berhak untuk:
 - a. Menambah, menggugurkan atau meminda T&C yang terkandung di sini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, atau menggantung atau menamatkan Kempen ini mengikut budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkan dalam Laman Web HLB, Laman Web HLISB atau apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank;
 - b. Membatalkan Cash Back atau Big Prize sekiranya terdapat ketidakpatuhan dengan T&C yang terkandung di sini;
 - c. Membatalkan penyertaan mana-mana Pengguna Connect daripada menyertai Kempen ini dan/ atau daripada menerima Cash Back atau Big Prize:
 - i. Jika Pengguna Connect telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan yang salah di sisi undang-undang (termasuk perjudian) berkaitan dengan mana-mana akaun Pengguna Connect dan/ atau mana-mana perkhidmatan atau kemudahan lain Bank; dan
 - ii. Jika Pengguna Connect telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh Bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
 - d. Mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan Cash Back atau Big Prize dengan hadiah lain yang sama nilainya bagi apa-apa jua sebab dengan notis terlebih dahulu kepada Pengguna Connect.
18. T&C yang terkandung di sini hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat Connect sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&C yang terkandung di sini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
19. T&C yang terkandung di sini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan pengguna Connect bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
20. Jika terdapat apa-apa percanggahan antara T&C ini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat akhir di Laman Web HLB dan/ atau Laman Web HLISB akan diutamakan.
21. Kempen ini dianjurkan sepenuhnya oleh Bank. Sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan Kempen ini hendaklah dibuat kepada Bank.